

**PERCEPTIONS OF SECOND-YEAR ARABIC COMMUNICATION STUDENTS TOWARDS
THE USE OF ARABIC POETRY IN ARABIC LANGUAGE LEARNING**

**PERSEPSI PELAJAR TAHUN DUA SARJANA MUDA BAHASA ARAB KOMUNIKASI TERHADAP
PENGGUNAAN PUISI ARAB DALAM PEMBELAJARAN BAHASA ARAB**

Aida Hayati Mohd Sanadiⁱ & Zalika Adamⁱⁱ

ⁱ (Corresponding author). Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). aida.hayati@usim.edu.my

ⁱⁱ Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). zalika@usim.edu.my

Article Progress

Received: 2 June 2026

Revised: 16 June 2026

Accepted: 15 August 2026

Abstract	<i>This study aims to analyse the perceptions of second-year Arabic Communication students towards the use of Arabic poetry in Arabic language learning. A quantitative survey approach was employed using a five-point Likert-scale questionnaire that was reviewed by experts in Arabic language teaching to ensure content validity. The instrument also demonstrated excellent reliability, with a Cronbach's alpha coefficient of 0.938. A total of 103 second-year students enrolled in the Bachelor of Arabic Communication (SMBAK) programme at the Faculty of Major Language Studies, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), participated in the study. The data were analysed using descriptive statistics to identify students' perceptions of the use of Arabic poetry in Arabic language learning. The findings indicate that the respondents held positive perceptions towards the use of Arabic poetry as a learning medium and perceived it as having the potential to enrich vocabulary, enhance language awareness, and foster appreciation of the aesthetic beauty of the Arabic language. The study recommends that Arabic poetry be integrated systematically and contextually into Arabic language instruction to support more meaningful learning experiences for non-native learners.</i> Keywords: <i>Students, Perceptions, Arabic, Poetry, Learning.</i>
Abstrak	Kajian ini bertujuan menganalisis persepsi pelajar tahun dua Sarjana Muda Bahasa Arab Komunikasi (SMBAK) terhadap penggunaan puisi Arab dalam pembelajaran Bahasa Arab. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui kaedah tinjauan dengan instrumen soal selidik berskala Likert lima mata yang telah disemak oleh pakar dalam bidang pengajaran bahasa Arab untuk memastikan kesahihan kandungan. Instrumen kajian turut menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang sangat tinggi (Cronbach's alpha = 0.938). Seramai 103 orang pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab Komunikasi (SMBAK) tahun dua di Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) terlibat sebagai responden. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif bagi mengenal pasti kecenderungan persepsi pelajar terhadap aspek kefahaman, minat, kesukaran dan sumbangan puisi Arab dalam penguasaan bahasa Arab. Dapatan kajian menunjukkan bahawa responden mempunyai persepsi positif terhadap penggunaan puisi Arab dalam pembelajaran bahasa Arab dengan nilai

	min keseluruhan 3.94. Item yang memperoleh min tertinggi ialah “Puisi Arab membantu memperkayakan kosa kata bahasa Arab” ($M = 4.06$), menunjukkan bahawa pelajar melihat puisi Arab sebagai bahan pembelajaran yang berpotensi menyokong perkembangan penguasaan bahasa Arab. Kajian ini mencadangkan agar puisi Arab terus dimanfaatkan secara terancang dan kontekstual dalam pengajaran bahasa Arab bagi meningkatkan keberkesanan pembelajaran dalam kalangan pelajar bukan penutur jati. Kata kunci: <i>Pelajar, Persepsi, Bahasa Arab, Puisi, Pembelajaran.</i>
--	--

PENDAHULUAN

Bahasa Arab merupakan antara bahasa tertua di dunia serta memiliki sejarah yang panjang dan kaya dalam bidang budaya, agama dan ilmu pengetahuan. Bahasa ini dituturkan oleh lebih daripada 400 juta penutur di seluruh dunia (Brockelman, 1993). Selain berfungsi sebagai medium komunikasi, bahasa Arab juga memainkan peranan penting sebagai bahasa Al-Quran dan sumber utama khazanah ilmu Islam.

Di Malaysia, pembelajaran bahasa Arab telah diberikan penekanan yang signifikan dalam sistem pendidikan melalui kewujudan sekolah agama, institusi pondok serta universiti yang menawarkan pengajian Islam (Rosni Samah, 2012). Dalam konteks pendidikan negara, bahasa Arab dipelajari sebagai bahasa asing kerana ia bukanlah bahasa komunikasi harian masyarakat Malaysia, meskipun sebahagian besar pelajar telah mempelajarinya secara formal sejak peringkat sekolah menengah (Zaini et al., 2019).

Dalam proses pembelajaran bahasa asing, penggunaan bahan autentik dilihat mampu meningkatkan penguasaan bahasa serta memberikan pengalaman pembelajaran yang lebih bermakna kerana pelajar berinteraksi dengan penggunaan bahasa dalam konteks sebenar (Lazar, 1993). Salah satu bahan autentik yang mempunyai nilai linguistik dan budaya yang tinggi ialah karya sastera, khususnya puisi.

Puisi Arab merupakan salah satu genre sastera yang memiliki nilai estetika dan linguistik yang tinggi serta memainkan peranan penting dalam pembentukan bahasa dan budaya Arab. Carter dan Long (1991) turut menjelaskan bahawa karya sastera bukan sahaja membantu meningkatkan kemahiran bahasa, malah mengembangkan pemikiran kritis, interpretasi makna dan kesedaran budaya pelajar.

Dalam konteks pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa asing, puisi berpotensi menjadi medium yang efektif untuk memperkayakan kosa kata, memperhalusi kepekaan bahasa dan meningkatkan penguasaan gaya bahasa (Nursafira et al., 2022). Melalui pendedahan kepada puisi, pelajar bukan sahaja mempelajari struktur bahasa, malah turut memahami nilai budaya dan pemikiran masyarakat Arab.

Walau bagaimanapun, penggunaan puisi Arab sebagai bahan pedagogi memerlukan pendekatan pengajaran yang bersesuaian dengan tahap penguasaan pelajar. Hal ini kerana puisi Arab lazimnya mempunyai ciri-ciri bahasa yang padat, penggunaan unsur balaghah, metafora serta makna tersirat yang memerlukan kefahaman linguistik dan budaya yang lebih mendalam (Rosni et al., 2023).

Oleh itu, penerimaan pelajar terhadap penggunaan puisi Arab dalam pembelajaran bahasa tidak hanya dipengaruhi oleh kandungan puisi itu sendiri, malah turut dipengaruhi oleh pengalaman pembelajaran, tahap penguasaan bahasa serta pendekatan pengajaran yang digunakan oleh pensyarah.

Sorotan kajian terdahulu menunjukkan bahawa penyelidikan berkaitan penggunaan sastera Arab dalam pembelajaran bahasa lebih banyak menumpukan kepada manfaat sastera sebagai medium pengajaran bahasa, manakala kajian yang meneliti persepsi pelajar terhadap penggunaan puisi Arab, khususnya sebelum mereka mengikuti sastera secara formal masih terhad (Masriah et al., 2025).

Keadaan ini mewujudkan jurang penyelidikan kerana persepsi awal pelajar berpotensi mempengaruhi tahap penerimaan, penglibatan dan kesediaan mereka untuk mengikuti pembelajaran berasaskan teks sastera. Dalam konteks program Sarjana Muda Bahasa Arab

Komunikasi (SMBAK), maklumat mengenai persepsi pelajar adalah penting memandangkan mereka akan mengikuti kursus Penghayatan Sastera (Tazawwuq Adabi) yang memperkenalkan pelbagai genre sastera Arab, termasuk puisi.

Sekiranya persepsi awal pelajar terhadap penggunaan puisi Arab tidak dikenal pasti, pensyarah mungkin berhadapan kesukaran untuk merancang strategi pengajaran yang selaras dengan tahap kesediaan dan keperluan pelajar. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan untuk menganalisis persepsi pelajar tahun dua Sarjana Muda Bahasa Arab Komunikasi (SMBAK) terhadap penggunaan puisi Arab dalam pembelajaran bahasa Arab.

Dapatan kajian ini diharapkan dapat memberikan gambaran yang lebih jelas tentang penerimaan pelajar terhadap penggunaan puisi Arab sebagai bahan pedagogi serta menjadi rujukan kepada pensyarah dalam merancang strategi pengajaran yang lebih berkesan, kontekstual dan bersesuaian dengan keperluan pelajar bukan penutur jati bahasa Arab.

SOROTAN LITERATUR

Kesusasteraan Sebagai Bahan Autentik Dalam Pembelajaran Bahasa

Penggunaan bahan sastera dalam pembelajaran bahasa semakin mendapat perhatian kerana mampu menyediakan pengalaman pembelajaran yang lebih bermakna melalui pendedahan kepada penggunaan bahasa dalam konteks sebenar. Karya sastera dilihat sebagai bahan autentik yang bukan sahaja memperlihatkan penggunaan bahasa secara semula jadi, malah mencerminkan budaya, nilai dan cara berfikir masyarakat penutur bahasa tersebut.

Menurut Lazar (1993), penggunaan teks sastera dalam pembelajaran bahasa membolehkan pelajar memperkayakan kosa kata, meningkatkan kefahaman terhadap penggunaan bahasa dalam pelbagai konteks serta mengembangkan keupayaan mentafsir makna secara kritis. Carter dan Long (1991) turut menegaskan bahawa karya sastera berfungsi sebagai medium yang mengintegrasikan pembangunan kompetensi linguistik, kesedaran budaya dan perkembangan peribadi pelajar melalui pengalaman pembelajaran yang lebih bermakna.

Pandangan tersebut diperkukuh oleh Paran (2008) yang menjelaskan bahawa sastera tidak lagi wajar dianggap sebagai bahan bacaan tambahan semata-mata, sebaliknya berperanan sebagai medium pembelajaran bahasa yang mampu meningkatkan penglibatan pelajar dalam proses pembelajaran. Walau bagaimanapun, beliau menegaskan bahawa keberkesanan penggunaan sastera bergantung kepada pendekatan pedagogi yang digunakan serta kesesuaian bahan dengan tahap penguasaan bahasa pelajar.

Hal ini menunjukkan bahawa pemilihan teks sastera perlu mengambil kira objektif pembelajaran dan latar belakang pelajar agar manfaat penggunaan bahan autentik dapat dioptimumkan. Walaupun ketiga-tiga sarjana tersebut menekankan kepentingan karya sastera dalam pembelajaran bahasa, perbincangan mereka lebih bersifat umum dan tidak memberi tumpuan khusus kepada penggunaan puisi Arab dalam pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa asing. Oleh itu, masih terdapat keperluan untuk meneliti bagaimana genre puisi Arab dimanfaatkan sebagai medium pembelajaran dalam konteks pelajar bukan penutur jati bahasa Arab.

Puisi Arab Sebagai Medium Pembelajaran Bahasa Arab

Puisi Arab merupakan antara genre kesusasteraan yang mempunyai nilai linguistik, budaya dan estetika yang tinggi serta memainkan peranan penting dalam perkembangan bahasa Arab sejak zaman jahiliyah sehingga era moden. Dalam konteks pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa asing, puisi bukan sahaja berfungsi sebagai bahan bacaan sastera, malah berpotensi menjadi medium yang membantu pelajar memahami variasi kosa kata, struktur bahasa, gaya bahasa dan unsur retorik yang memperkayakan kompetensi linguistik mereka (Lazar, 1993).

Walaupun bagaimanapun, penggunaan puisi Arab dalam pengajaran memerlukan pendekatan yang bersesuaian dengan tahap keupayaan pelajar. Menurut al-Dajani (2019), teks puisi Arab lazimnya mengandungi penggunaan metafora, simbolisme, unsur balaghah serta makna tersirat yang memerlukan tahap penguasaan bahasa yang lebih tinggi berbanding teks pembelajaran biasa.

Oleh itu, beliau mencadangkan agar puisi diperkenalkan kepada pelajar yang telah memiliki asas linguistik yang mencukupi supaya mereka dapat memahami kandungan puisi dengan lebih berkesan. Selain aspek linguistik, al-Tamimi (2012) menegaskan bahawa kesusasteraan Arab berperanan sebagai jambatan yang menghubungkan bahasa dengan budaya masyarakat Arab.

Menurut beliau, penguasaan bahasa tidak dapat dipisahkan daripada pemahaman terhadap budaya kerana kedua-duanya saling melengkapi dalam proses komunikasi. Melalui puisi dan karya sastra Arab, pelajar bukan sahaja mempelajari sistem bahasa, malah didedahkan kepada nilai, kepercayaan, adat resam dan cara berfikir masyarakat Arab dalam konteks yang autentik. Justeru, penggunaan puisi Arab dalam pembelajaran bahasa Arab berpotensi menyokong pembangunan kompetensi linguistik dan kompetensi antara budaya secara serentak.

Pandangan tersebut disokong oleh Ryding (2014) yang menjelaskan bahawa bahasa Arab mempunyai sistem morfologi yang kaya, pola derivasi yang pelbagai dan struktur sintaksis yang fleksibel. Ciri-ciri ini menjadikan teks sastra Arab, khususnya puisi, lebih kompleks berbanding teks pembelajaran biasa. Namun demikian, kerumitan linguistik tersebut tidak semestinya menjadi kekangan sekiranya pemilihan teks dan strategi pengajaran disesuaikan dengan tahap penguasaan pelajar.

Walaupun bagaimanapun, setiap kajian memberikan penekanan yang berbeza, iaitu al-Dajani (2019) menumpukan kepada kesesuaian puisi mengikut tahap penguasaan pelajar, al-Tamimi (2012) menekankan pembangunan kompetensi antara budaya, manakala Ryding (2014) menghuraikan kerumitan linguistik bahasa Arab yang perlu dipertimbangkan dalam pemilihan bahan pengajaran.

Walaupun demikian, kajian-kajian tersebut tidak meneliti bagaimana pelajar sendiri menerima penggunaan puisi Arab sebagai medium pembelajaran bahasa. Oleh itu, masih terdapat keperluan untuk mengkaji persepsi pelajar terhadap penggunaan puisi Arab, khususnya dalam kalangan pelajar bukan penutur jati di institusi pengajian tinggi.

Persepsi Pelajar Terhadap Penggunaan Bahan Sastra Dalam Pembelajaran Bahasa

Persepsi pelajar merupakan faktor yang mempengaruhi keberkesanan sesuatu pendekatan pengajaran kerana persepsi yang positif lazimnya meningkatkan motivasi, penglibatan dan kesediaan pelajar untuk mempelajari sesuatu mata pelajaran (Brown, 2004). Dalam konteks pembelajaran bahasa, persepsi pelajar terhadap penggunaan bahan sastra dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti jenis teks, pendekatan pengajaran, pengalaman pembelajaran dan tahap penguasaan bahasa.

Kajian oleh Bloemert et al. (2017) menunjukkan bahawa penerimaan pelajar terhadap penggunaan bahan sastra dalam pembelajaran bahasa adalah berbeza mengikut pendekatan pengajaran dan jenis teks yang digunakan. Walaupun terdapat variasi dalam persepsi responden, majoriti pelajar bersetuju bahawa penggunaan karya sastra membantu meningkatkan kemahiran berbahasa dan menjadikan pembelajaran lebih bermakna.

Dapatan tersebut menunjukka bahawa keberkesanan penggunaan sastra bukan hanya bergantung kepada kandungan teks, malah dipengaruhi oleh bagaimana bahan tersebut diintegrasikan dalam proses pembelajaran. Dalam konteks pembelajaran bahasa Arab, Nursafira et al. (2025) turut melaporkan bahawa penggunaan karya sastra berpotensi membantu memperkayakan kosa kata, meningkatkan kepekaan bahasa dan menggalakkan penghayatan terhadap keindahan bahasa Arab.

Dapatan ini selari dengan pandangan Lazar (1993), Carter dan Long (1991) serta Paran (2008) yang menegaskan bahawa karya sastra mampu menyumbang kepada pembangunan kompetensi linguistik dan kesedaran budaya apabila digunakan melalui pendekatan pedagogi yang sesuai. Walau bagaimanapun, kebanyakan kajian terdahulu lebih memberi tumpuan kepada manfaat penggunaan sastra dalam pembelajaran bahasa secara umum atau keberkesanan pendekatan pengajaran sastra.

Kajian yang memfokuskan persepsi pelajar terhadap penggunaan puisi Arab sebagai medium pembelajaran bahasa, khususnya dalam kalangan pelajar bukan penutur jati di institusi pengajian tinggi Malaysia, masih terhad. Tambahan pula, penyelidikan yang meneliti persepsi

pelajar sebelum mereka mengikuti kursus Penghayatan Sastera (Tazawwuq Adabi) juga masih kurang diberikan perhatian.

Jurang penyelidikan ini penting diberi perhatian kerana persepsi awal pelajar berpotensi mempengaruhi tahap penerimaan dan kesediaan mereka untuk mempelajari teks sastera Arab secara formal. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengisi jurang tersebut dengan meneliti persepsi pelajar tahun dua Sarjana Muda Bahasa Arab Komunikasi terhadap penggunaan puisi Arab dalam pembelajaran bahasa Arab.

Menurut Gillian Lazar (1993) dan al-Dajani (2019), teks sastera seperti puisi boleh memberikan manfaat yang besar dalam pembelajaran bahasa memandangkan sastera dianggap jiwa kepada sesuatu bahasa. Walau bagaimanapun, al-Dajani mencadangkan agar bahan kesusasteraan dalam PdP bahasa Arab digunakan berdasarkan peringkat keupayaan pelajar. Justeru, puisi dianggap sesuai untuk pelajar pada peringkat pertengahan dan lanjutan memandangkan mereka sudah memiliki tahap penguasaan kosa kata yang baik.

Jika tidak, pelajar cenderung untuk mengalami kesukaran memahami makna tersurat dan tersirat dalam teks tersebut. Al-Tamimi (2012) menekankan bahawa pengajaran kesusasteraan Arab kepada pelajar bahasa Arab sebagai bahasa asing memainkan peranan penting dalam merapatkan jurang budaya antara pelajar dan masyarakat penutur asli. Menurut beliau, penguasaan bahasa tidak boleh dipisahkan daripada pemahaman budaya kerana kedua-duanya saling melengkapi dalam proses komunikasi.

Kajian tersebut menjelaskan bahawa karya sastera Arab berfungsi sebagai medium yang memperkenalkan pelajar kepada nilai, kepercayaan, adat resam dan cara berfikir masyarakat Arab secara lebih mendalam. Selain meningkatkan kecekapan linguistik, penggunaan karya sastera dalam pembelajaran bahasa Arab turut membantu pelajar membangunkan kesedaran antara budaya, meningkatkan motivasi pembelajaran serta menggalakkan pemahaman bahasa dalam konteks autentik.

Justeru, al-Tamimi(2012) berpandangan bahawa kesusasteraan Arab wajar diintegrasikan secara lebih sistematik dalam kurikulum bahasa Arab bagi membentuk penguasaan bahasa yang lebih holistik dalam kalangan pelajar bukan penutur jati. Kajian mengenai pandangan pelajar terhadap penggunaan elemen kesusasteraan dalam PdP bahasa turut diketengahkan oleh Bloemert et al. (2017).

Dengan menjadikan sastera bahasa Inggeris sebagai medium pengajaran, kajian tersebut mendapati bahawa perspektif pelajar terhadap penggunaan bahan sastera dalam PdP bahasa adalah berbeza-beza, bergantung kepada pendekatan, kandungan serta teks yang digunakan. Walau bagaimanapun, perbezaan ini tidak menafikan hakikat bahawa majoriti responden bersetuju bahawa komponen sastera mampu berfungsi sebagai medium untuk meningkatkan kemahiran berbahasa mereka. Selain itu, usaha mengintegrasikan sastera dalam PdP bahasa wajar diberi perhatian kerana sastera merupakan sumber asas bagi sesuatu bahasa.

Selain itu, Ronald Carter dan Michael Long (1991) menekankan bahawa penggunaan sastera dalam pembelajaran bahasa dapat meningkatkan kompetensi linguistik dan kesedaran budaya, namun memerlukan pendekatan pedagogi yang sesuai. Tanpa bimbingan yang mencukupi, pelajar mungkin melihat teks sastera sebagai terlalu abstrak dan sukar difahami, sekaligus memberi kesan negatif terhadap minat mereka.

Paran (2008) dan Shanahan (2011) juga menyokong bahawa bahan sastera wajar dimanfaatkan dalam PdP bahasa kerana berperanan sebagai sumber penting untuk meneroka pelbagai elemen bahasa, termasuk memahami makna simbolik yang tersirat melalui penggunaan gaya bahasa.

Paran (2008) seterusnya merumuskan bahasa kesusasteraan memberikan sumbangan yang signifikan dalam PdP bahasa. Walau bagaimanapun, beliau turut menegaskan keperluan untuk melaksanakan kajian empirikal secara berterusan, khususnya melalui pemerhatian terhadap amalan sebenar dalam bilik darjah. Data yang diperoleh daripada pemerhatian tersebut boleh dianalisis bagi membangunkan kaedah penilaian kursus yang lebih sistematik serta bersesuaian dengan tahap keupayaan pelajar.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan keratan rentas bagi mengenal pasti persepsi awal pelajar terhadap penggunaan puisi Arab dalam pembelajaran bahasa Arab. Reka bentuk ini dipilih kerana bersesuaian dengan objektif kajian yang bertujuan memperoleh gambaran semasa mengenai persepsi pelajar sebelum mereka mengikuti pengajaran formal bagi kursus Penghayatan Sastera (Tazawwuq Adabi).

Kaedah tinjauan melalui soal selidik membolehkan data dikumpulkan secara sistematik daripada sejumlah responden serta sesuai digunakan untuk mengukur persepsi, sikap dan pandangan responden terhadap sesuatu fenomena (Creswell, 2014). Populasi kajian terdiri daripada pelajar Tahun Dua Program Sarjana Muda Bahasa Arab Komunikasi (SMBAK), Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Sampel kajian melibatkan seramai 103 orang pelajar yang dipilih menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Kaedah ini dipilih kerana responden mempunyai ciri yang menepati objektif kajian, iaitu bakal mengikuti kursus Penghayatan Sastera (Tazawwuq Adabi) yang menggunakan puisi Arab sebagai salah satu bahan pembelajaran. Pemilihan responden sebelum mengikuti kursus tersebut membolehkan kajian menilai persepsi awal pelajar terhadap penggunaan puisi Arab tanpa dipengaruhi oleh pengalaman pembelajaran formal dalam kursus berkenaan.

Instrumen kajian berbentuk soal selidik yang dibangunkan oleh penyelidik berdasarkan sorotan literatur berkaitan penggunaan karya sastera dalam pembelajaran bahasa Arab. Soal selidik diedarkan secara dalam talian menggunakan platform Google Form. Sebelum menjawab soal selidik, responden dimaklumkan mengenai tujuan kajian dan penyertaan adalah secara sukarela. Identiti responden tidak direkodkan dan segala maklumat yang diberikan dirahsiakan serta hanya digunakan bagi tujuan penyelidikan.

Instrumen kajian mengandungi dua bahagian. Bahagian A mengandungi tiga item berkaitan maklumat demografi responden, iaitu jantina, umur dan tempoh pembelajaran bahasa Arab. Bahagian B pula mengandungi sepuluh item yang mengukur persepsi awal pelajar terhadap penggunaan puisi Arab dalam pembelajaran bahasa Arab. Semua item dibina dalam bentuk pernyataan positif dan menggunakan skala Likert lima mata, iaitu 1 = Sangat Tidak Setuju, 2 = Tidak Setuju, 3 = Neutral, 4 = Setuju dan 5 = Sangat Setuju.

Bagi memastikan kesahan kandungan instrumen, soal selidik telah disemak oleh dua orang pakar yang mempunyai kepakaran dalam bidang sastera Arab dan pengajaran bahasa Arab. Semakan pakar meliputi aspek kesesuaian kandungan, kejelasan bahasa, ketepatan istilah serta keselarasan item dengan konstruk yang diukur. Penambahbaikan terhadap item telah dilakukan berdasarkan ulasan dan cadangan yang dikemukakan sebelum soal selidik diedarkan kepada responden.

Data yang diperoleh dianalisis menggunakan Microsoft Excel melalui analisis statistik deskriptif. Analisis melibatkan pengiraan frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai bagi setiap item bagi menghuraikan persepsi pelajar terhadap penggunaan puisi Arab dalam pembelajaran bahasa Arab. Interpretasi skor min digunakan bagi menentukan tahap persepsi responden berdasarkan kategori rendah, sederhana dan tinggi. Memandangkan objektif kajian adalah untuk mengenal pasti persepsi pelajar, analisis statistik deskriptif adalah memadai bagi menjawab objektif kajian.

ANALISIS DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini dibahagikan kepada analisis demografi responden dan persepsi terhadap penggunaan puisi Arab dalam pembelajaran bahasa Arab.

Jadual 1 Demografi Responden

Demografi	Kategori	Kekerapan (f)	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	40	38.8
	Perempuan	63	61.2
	1–5 tahun	7	6.8

Tempoh Pembelajaran Bahasa Arab	6-10 tahun	54	52.4
	11 tahun ke atas	42	40.8

Jadual 1 menunjukkan profil demografi responden yang terlibat dalam kajian ini. Dari aspek jantina, majoriti responden terdiri daripada pelajar perempuan seramai 63 orang (61.2%), manakala pelajar lelaki berjumlah 40 orang (38.8%). Dapatan ini menunjukkan bahawa penyertaan pelajar perempuan dalam kajian adalah lebih tinggi berbanding pelajar lelaki.

Dari segi tempoh pembelajaran bahasa Arab, majoriti responden telah mempelajari bahasa Arab selama antara 6 hingga 10 tahun, iaitu seramai 54 orang (52.4%). Seterusnya, seramai 42 orang responden (40.8%) mempunyai pengalaman mempelajari bahasa Arab selama 11 tahun ke atas, manakala hanya 7 orang responden (6.8%) mempunyai tempoh pembelajaran antara tempoh 1 hingga 5 tahun.

Secara keseluruhannya, profil responden menunjukkan bahawa kebanyakan peserta kajian mempunyai pengalaman pembelajaran bahasa Arab yang agak panjang, dengan lebih 90% responden telah mempelajari bahasa Arab selama enam tahun dan ke atas. Latar belakang ini menunjukkan bahawa responden mempunyai pendedahan yang mencukupi terhadap bahasa Arab, sekali gus membolehkan mereka memberikan persepsi yang lebih bermakna terhadap penggunaan puisi Arab dalam pembelajaran bahasa Arab.

Seterusnya, persepsi pelajar terhadap penggunaan puisi Arab dalam pembelajaran bahasa Arab adalah seperti berikut:

Jadual 2 Persepsi Pelajar Terhadap Penggunaan Puisi Arab Dalam Pembelajaran Bahasa Arab

No.	Persepsi pelajar terhadap penggunaan puisi Arab	Min	Sisihan piawai
1	Saya berasa seronok untuk mempelajari puisi Arab dalam kelas	3.87	0.78
2	Puisi Arab akan membantu saya meningkatkan penguasaan kosa kata bahasa Arab.	4.06	0.74
3	Irama dan gaya bahasa dalam puisi Arab memudahkan saya memahami makna puisi.	3.87	0.86
4	Penggunaan puisi Arab menjadikan pembelajaran lebih menarik dan kreatif.	3.98	0.82
5	Saya dapat mengenal pasti mesej atau pengajaran yang ingin disampaikan melalui puisi Arab.	3.81	0.81
6	Pendedahan kepada puisi Arab dapat memperkukuh kefahaman saya terhadap budaya Arab.	3.96	0.70
7	Puisi Arab membantu saya memahami nilai estetika dalam bahasa Arab.	3.94	0.71
8	Saya dapat mengenal pasti unsur keindahan bahasa melalui puisi Arab.	4.04	0.70
9	Aktiviti berkaitan puisi Arab (hafazan, deklamasi) meningkatkan motivasi dalam pembelajaran.	3.88	0.76
10	Saya rasa puisi Arab relevan untuk pembelajaran bahasa Arab moden.	3.97	0.72

Berdasarkan analisis statistik deskriptif terhadap persepsi pelajar bahasa Arab bukan penutur jati terhadap penggunaan puisi dalam pembelajaran bahasa Arab, nilai min keseluruhan yang diperoleh ialah 3.94, menunjukkan tahap persepsi yang tinggi dan positif dalam kalangan responden terhadap penggunaan puisi Arab.

Dapatan menunjukkan item yang memperoleh nilai min tertinggi ialah “puisi Arab membantu saya meningkatkan penguasaan kosa kata bahasa Arab” dengan nilai min 4.06

(SP=0.74). Hal ini menunjukkan majoriti responden bersetuju bahawa puisi Arab dapat menyumbang kepada peningkatan penguasaan kosa kata dalam pembelajaran bahasa Arab. Selain itu, item “saya dapat mengenalpasti unsur keindahan bahasa melalui puisi Arab” turut mencatat nilai min yang tinggi iaitu 4.04 (SP=0.70), yang menunjukkan pelajar percaya peranan puisi Arab dalam membantu mereka memahami aspek keindahan bahasa.

Seterusnya, item “penggunaan puisi Arab menjadikan pembelajaran lebih menarik dan kreatif” memperoleh nilai min 3.98 (SP=0.82), diikuti item “puisi Arab relevan untuk pembelajaran bahasa Arab moden” dengan nilai min 3.97 (SP=0.72). Ini menunjukkan responden mempunyai pandangan positif terhadap penggunaan puisi sebagai medium pembelajaran bahasa Arab.

Walaupun bagaimanapun, item yang memperoleh nilai min paling rendah ialah “saya dapat mengenalpasti mesej atau pengajaran yang ingin disampaikan melalui puisi Arab” dengan nilai min 3.81 (SP=0.81). Walaupun item ini mencatat nilai min terendah, skor tersebut masih berada pada tahap tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa responden secara umumnya berpandangan mereka berupaya mengenal pasti mesej atau pengajaran yang terkandung dalam puisi Arab.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa responden mempunyai persepsi awal yang positif terhadap potensi penggunaan puisi Arab sebagai medium pembelajaran bahasa Arab. Persepsi positif tersebut merangkumi aspek potensi peningkatan penguasaan kosa kata, penghayatan unsur keindahan bahasa, pengukuhan kefahaman budaya Arab serta peningkatan minat terhadap pembelajaran bahasa Arab.

PERBINCANGAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa persepsi awal pelajar bahasa Arab bukan penutur jati terhadap penggunaan puisi Arab dalam pembelajaran bahasa Arab berada pada tahap yang tinggi dengan nilai min keseluruhan 3.94. Dapatan ini menunjukkan bahawa sebelum mengikuti kursus Penghayatan Sastera (Tazawwuq Adabi), responden telah mempunyai pandangan yang positif terhadap peranan puisi Arab sebagai salah satu medium pembelajaran bahasa.

Dapatan ini selari dengan pandangan Lazar (1993) dan al-Dajani (2019) yang menyatakan bahawa teks sastera, termasuk puisi, mempunyai manfaat dalam pembelajaran bahasa kerana sastera merupakan sebahagian daripada jiwa sesuatu bahasa. Item yang memperoleh min tertinggi ialah “puisi Arab akan membantu saya meningkatkan penguasaan kosa kata bahasa Arab” dengan nilai min 4.06.

Dapatan ini menunjukkan bahawa pelajar melihat puisi Arab sebagai bahan yang berupaya memperkaya penguasaan kosa kata mereka. Persepsi tersebut berkemungkinan dipengaruhi oleh sifat puisi yang kaya dengan pilihan leksikal, ungkapan figuratif dan variasi gaya bahasa, sekali gus memperkenalkan pelajar kepada penggunaan kosa kata yang lebih pelbagai berbanding teks biasa.

Di samping itu, aktiviti pembelajaran yang lazim dikaitkan dengan puisi seperti hafazan, deklamasi dan apresiasi teks turut berpotensi membantu pelajar mengingat serta menghayati kosa kata baharu dengan lebih berkesan. Dapatan ini selari dengan pandangan Lazar (1993) dan al-Dajani (2019) yang menegaskan bahawa teks sastera merupakan medium yang mampu memperkayakan pengalaman pembelajaran bahasa melalui pendedahan kepada penggunaan bahasa yang autentik.

Begitu juga, Nursafira et al. (2025) yang menyatakan bahawa sastera Arab berpotensi menjadi medium yang efektif untuk memperkayakan kosa kata, memperhalusi kepekaan bahasa dan meningkatkan penguasaan gaya bahasa dalam kalangan pelajar bukan penutur jati. Selain aspek kosa kata, responden turut menunjukkan persepsi awal yang positif terhadap potensi puisi Arab dalam memperkenalkan unsur estetika bahasa.

Item “saya dapat mengenalpasti unsur keindahan bahasa melalui puisi Arab” turut mencatat nilai min yang tinggi iaitu 4.04. Dapatan ini menunjukkan bahawa pelajar bukan sahaja melihat puisi Arab sebagai bahan pembelajaran bahasa, malah sebagai medium untuk memahami nilai estetika dan keindahan bahasa Arab. Perkara ini selari dengan pandangan Carter dan Long (1991) yang menegaskan bahawa penggunaan sastera dalam pembelajaran bahasa dapat meningkatkan kompetensi linguistik dan kesedaran budaya pelajar.

Seterusnya, item “penggunaan puisi Arab menjadikan pembelajaran lebih menarik dan kreatif” memperoleh nilai min 3.98. Persepsi ini mencerminkan bahawa pelajar menerima puisi Arab sebagai alternatif kepada pendekatan pembelajaran bahasa yang lebih konvensional. Dapatan tersebut menyokong kajian Bloemert et al. (2017) yang mendapati bahawa penggunaan bahan sastera dalam pembelajaran bahasa mampu meningkatkan minat pelajar kerana menawarkan pengalaman pembelajaran yang lebih interaktif, bermakna dan melibatkan penghayatan terhadap kandungan teks.

Walau bagaimanapun, item yang memperoleh min paling rendah ialah “saya dapat mengenalpasti mesej atau pengajaran yang ingin disampaikan melalui puisi Arab” dengan nilai min 3.81. Meskipun masih berada pada tahap tinggi, dapatan ini menunjukkan bahawa sebahagian pelajar mungkin masih menghadapi cabaran untuk memahami makna tersirat, mesej dan pengajaran dalam puisi Arab.

Keadaan ini selari dengan pandangan Rosni et al. (2023) serta Lazar (1993) yang menyatakan bahawa puisi Arab boleh menjadi bahan yang mencabar kerana mengandungi bahasa yang tinggi, simbolisme dan struktur linguistik yang kompleks. Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa puisi Arab mempunyai potensi yang besar dalam pembelajaran bahasa Arab bagi pelajar bukan penutur jati.

Walaupun terdapat cabaran dari sudut pemahaman makna tersirat, responden tetap menunjukkan persepsi yang positif terhadap peranan puisi Arab dalam meningkatkan kosa kata, menghayati keindahan bahasa, memperkukuh kefahaman budaya dan menjadikan pembelajaran lebih menarik. Hal ini selari dengan pandangan al-Tamimi (2012) yang menegaskan bahawa pengajaran kesusasteraan kepada pelajar bahasa asing bukan sahaja membantu meningkatkan kecekapan linguistik, malah berperanan sebagai medium untuk merapatkan jurang budaya antara pelajar dan masyarakat penutur bahasa sasaran.

Menurut beliau, penguasaan bahasa yang berkesan memerlukan pemahaman terhadap aspek budaya kerana bahasa dan budaya merupakan dua unsur yang saling berkait rapat. Oleh itu, penggunaan puisi Arab wajar diteruskan secara terancang, sesuai dengan tahap keupayaan pelajar serta disokong oleh pendekatan pedagogi yang kontekstual dan berkesan.

Dari sudut pedagogi, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan puisi Arab dalam pembelajaran bahasa Arab wajar dirancang mengikut tahap penguasaan pelajar. Pensyarah boleh mempertimbangkan penyediaan glosari kosa kata, penerangan awal tentang konteks budaya dan sejarah, serta aktiviti seperti deklamasi, perbincangan kumpulan dan analisis makna bagi membantu pelajar memahami kandungan puisi dengan lebih berkesan. Pendekatan ini dijangka dapat menyokong pembelajaran yang lebih bermakna, khususnya dalam membantu pelajar menghayati aspek bahasa dan budaya yang terkandung dalam puisi Arab.

PENUTUP

Kajian ini telah mengenalpasti persepsi awal pelajar bahasa Arab bukan penutur jati terhadap penggunaan puisi Arab dalam pembelajaran bahasa Arab. Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar mempunyai persepsi awal yang positif terhadap penggunaan puisi Arab sebagai salah satu medium pembelajaran bahasa Arab.

Walaupun puisi Arab sering dikaitkan dengan tahap kesukaran yang tinggi disebabkan oleh penggunaan bahasa yang bersifat simbolisme serta struktur linguistik yang kompleks, majoriti responden mengakui bahawa puisi Arab memberikan manfaat yang signifikan dalam meningkatkan penguasaan kosa kata, menghayati keindahan bahasa, memahami budaya Arab serta menjadikan proses pembelajaran lebih menarik dan kreatif.

Dapatan ini menunjukkan bahawa puisi Arab mempunyai potensi besar untuk dimanfaatkan sebagai bahan pedagogi dalam pengajaran bahasa Arab sebagai bahasa asing. Oleh itu, pengintegrasian puisi Arab dalam kurikulum bahasa Arab wajar dilaksanakan secara sistematik dan bersesuaian dengan tahap penguasaan pelajar. Pensyarah juga disarankan menggunakan pendekatan pengajaran yang lebih kontekstual, interaktif dan berpusatkan pelajar bagi membantu mereka memahami makna tersurat dan tersirat yang terkandung dalam puisi Arab.

Kajian ini bagaimanapun terhad kepada pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab Komunikasi (SMBAK) di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), justeru dapatan kajian tidak boleh digeneralisasikan kepada semua pelajar bahasa Arab bukan penutur jati. Oleh itu, kajian lanjutan disarankan untuk melibatkan sampel yang lebih besar dan pelbagai institusi pendidikan, selain meneroka hubungan antara persepsi pelajar dengan tahap pencapaian akademik atau keberkesanan penggunaan puisi Arab dalam meningkatkan kemahiran bahasa tertentu.

Diharapkan kajian ini dapat menyumbang kepada usaha memperkukuh penggunaan bahan sastera Arab dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab serta memperkayakan khazanah penyelidikan dalam bidang pendidikan bahasa Arab.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang menaja geran penyelidikan, bertajuk: Persepsi Pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab Komunikasi (SMBAK) Tahun Dua di FPBU Terhadap Evaluasi Teks Sastera Arab. Kod Penyelidikan: PPPI/PTJ/FPBU/USIM/15825.

RUJUKAN

- Al-Dajani, B.A.S. (2019). The Function of Arabic Literature in Arabic Language Teaching: A Gateway to Cultural Literacy. *Dirasat: Human and Social Sciences*, 46 (1), 281-293.
- Al-Tamimi, H. (2012). Teaching Arabic literature to foreign language learners as a medium to bridge cultural gap. *Tafhim: IKIM Journal of Islam and the Contemporary World*, 5, 93-113.
- Bloemert, J., Paran, A., Jansen, E., & Grift, W.V.D. (2017). Student's Perspective on The Benefit of EFL Literature Education. *The Language Learning Journal*, 47(3), 371-384.
- Brockelmann, C. (1993). *History of the Arabic Written Tradition*. Leiden: Brill.
- Brown, H. D. (2004). *Language Assessment: Principles and Classroom Practices*. Pearson Education.
- Carter, R., & Long, M. (1991). *Teaching Literature*. Longman.
- Creswell, J.W. (2014). *Research Design: Qualitative, quantitative and mixed methods approaches* (4th ed.). Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Lazar, G. (1993). *Literature and Language Teaching: A Guide for Teachers and Trainers*. Cambridge University Press.
- Masriah, Chambali, & Azami, N. (2025). The use of modern Arabic literature as an authentic medium in language learning: A systematic literature review of methods and impact. *Proceeding of International Conference on Arabic Language (INCALA)*, 4(1).
- Mohammad, A.H., & Sulong, W. M. W. (2016.) Minat dan sikap pelajar bachelar bahasa Arab di IPTA Malaysia terhadap bahasa Arab. *Jurnal al-Anwar*, 1(1), 21-37.
- Nursafira, N., Ahmad, Mohamad Zainol, N. F., Abul Hassan Ashari, M. Z., & Ahmad Al-Qudah, M. (2025). The use of novel in Learning and Teaching Arabic Languages to non-native speakers: Problem and strategies. *Islamiyyat: The International Journal of Islamic Studies*, 47 (1), 258-267.
- Paran, A. (2008). The Role of Literature in Instructed Foreign Language Learning and Teaching; An Evidence-based Survey. *Language Teaching*, 41(4), 465-496.
- Rosni Samah. (2012). Pembinaan Ayat Bahasa Arab Dalam Kalangan Lulusan Sekolah Menengah Agama. *GEMA Online Journal of Language Studies*.
- Rosni Samah et al (2023). Kepentingan Bahan Sastera dalam Pembelajaran Bahasa Arab Sebagai Bahasa Asing, *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(10).
- Ryding, K. C. (2014). *Arabic: A Linguistic Introduction*. Cambridge: Cambridge University Press
- Shanahan, D. (2011), Articulating the Relationship Between Language, Literature, and Culture: Toward a New Agenda for Foreign Language Teaching and Research. *The Modern Language Journal*, 81: 164-174. <https://doi.org/10.1111/j.1540-4781.1997.tb01171.x>
- Zaini, A. R., Zakaria, N., Hamdan, H., Ghazali, M. R., & Ismail, M. R. (2019). Pengajaran Bahasa Arab di Malaysia: Permasalahan dan cabaran (Teaching of Arabic in Malaysia: Problems and challenges). *Jurnal Pengajian Islam*, 12(1), 47-57. <https://jpi.uis.edu.my/index.php/jpi/article/view/4>.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.